



Setiap tablet mengandungi 500mg Paracetamol, Carnauba Wax, Potassium Sorbate, Triacetin, Talc, Povidone, Starch, Hydroxypropyl Methylcellulose, Stearic Acid, Prepelatinized Starch, Purified Water, Pengawet: Potassium Sorbate 0.6mg/tablet.

Deskripsi Produk
Tablet biconvex bersalut lapisan licin yang bulat dan berwarna putih ke putih pudar dengan tanda "PANADOL" pada kedua-dua permukaan, bebas daripada benda asing.

Indikasi
Untuk kelegaan sakit daripada ringan hingga sederhana termasuk: sakit kepala, migrain, sakit belakang, sakit muskuloskeletal, sakit gegugut, sakit osteoarthritis, sakit gigi, sakit selepas prosedur pembedahan / pencabutan gigi, sakit selepas vaksinasi dan ketidakelesaan akibat selesema dan sakit tekak. Untuk melegakan demam.

Dos Yang Disyorkan
Orang dewasa termasuk warga tua dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:
1-2 tablet (500mg-1000mg paracetamol), setiap 4-6 jam bila perlu.

Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun:
Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.
- Jangan melebihi dos yang disyorkan.
- Dos paling rendah yang dapat memberi keberkesanan harus digunakan untuk tempoh rawatan yang paling singkat.
- Selang minimum antara dos: 4 jam.
- Dos harian maksimum: 4000mg paracetamol (8 tablet).

Kemerostotan buah pinggang:
Pesakit yang didiagnosis mengalami masalah buah pinggang mesti mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil ubat ini. Sekatan yang berkaitan dengan penggunaan produk paracetamol pada pesakit dengan masalah buah pinggang adalah akibat daripada kandungan paracetamol dalam ubat (sila rujuk kepada Sekyen Amon dan Perhatian).

Kemerostotan hati:
Pesakit yang didiagnosis mengalami masalah hati mesti mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil ubat ini. Selatan yang berkaitan dengan penggunaan produk paracetamol pada pesakit dengan masalah hati adalah akibat daripada kandungan paracetamol dalam ubat (sila rujuk kepada Sekyen Amon dan Perhatian).

Cara Pengambilan
Pengambilan secara oral sahaja.

Kontraindikasi
Jangan ambil ubat ini jika anda alah kepada paracetamol atau kandungan lain dalam ubat ini.

Amon dan Perhatian
Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kerana ia boleh menyebabkan kerosakan serius pada hati anda.
Rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil jika anda:
- mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
- kerap minum alkohol.
Anda mungkin perlu mengelakkan penggunaan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah paracetamol yang anda ambil.

Rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil jika anda:
- mengalami jangkitan yang teruk, kekurangan zat makanan teruk, kurang berat badan teruk atau peninum alkohol berat secara kronik kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuk:
- Penafasan yang mendalam, cepat dan sukar.
- Rasa sakit (mual), sakit (muntah)
- Hilang selera makan.

Hubungi doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala ini.
Sila jumpa doktor jika gejala masih berlanjutan.
Jauhkan daripada pandangan dan capaian kanak-kanak. *Keep out of the sight and reach of children.*

Sertasa membaca dan ikut arahan pada label.

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

AMARAN ALAHAN: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala-gejala termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Jika reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Interaksi dengan Ubat-ubatan Lain
Rujuk kepada doktor anda sebelum guna jika anda mengambil warfarin atau ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.
Kesan anticoagulant warfarin dan coumatins yang lain mungkin ditingkatkan dengan penggunaan harian paracetamol yang berpanjangan sebab peningkatan risiko pendarahan; dos sekali sekala tidak mempunyai kesan yang ketara.



Kehamilan dan Penyusuan
Kehamilan:
Seperti penggunaan ubat lain semasa mengandung, wanita hamil harus mendapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil paracetamol. Dos efektif terendah dan tempoh rawatan yang paling singkat harus dipertimbangkan.

Penyusuan:
Paracetamol dikeluarkan dalam susu ibu tetapi tidak dalam kuantiti yang ketara secara klinikal dengan dos yang disyorkan. Data yang diterbitkan tidak menghalang penyusuan.

Kesan Sampingan
Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor serta-merta jika anda:
- mengalami reaksi alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala berserta masalah pernafasan atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut.
- pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami reaksi yang serupa dengan produk ini.
- mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya.
Reaksi-reaksi ini jarang berlaku.

Daripada data pasca pemasaran, reaksi-reaksi di bawah ini sangat jarang berlaku:
Trombositopenia, Anafilaksis, reaksi hipersensitiviti kulit termasuk, antara lain, ruam kulit, angioedema, sindrom Stevens-Johnson dan Nekrosis Epidermis Toksik, Bronkospasme pada pesakit yang sensitif terhadap aspirin dan NSAID lain, disfungsi hepatic.

Gejala-gejala dan Rawatan Terlebih Dos
Jika terambil dos berlebihan, dapatkan nasihat doktor dengan segera walaupun anda tidak mengalami sebarang gejala kerana risiko kerosakan hati.

Gejala dan Tanda:
Pengambilan dos paracetamol yang berlebihan boleh menyebabkan kegagalan hati yang mungkin memerlukan pemindahan hati atau menyebabkan kematian. Pankeatitis akut telah diperhatikan, biasanya dengan disfungsi hati dan kerosakan hati.

Rawatan:
Tindakan rawatan perubatan diperlukan segera sekiranya berlaku dos berlebihan, walaupun tiada gejala dos berlebihan.
Sekiranya berlebihan dos disahkan atau disyaki, dapatkan nasihat segera daripada Pusat Racun Negara dan rujuk pesakit ke Pusat Perubatan Kecemasan terdekat untuk pengurusan dan rawatan pakar. Ini harus dilakukan walaupun pada pesakit tanpa gejala atau tanda-tanda dos berlebihan kerana risiko kerosakan hati yang tertangguh.

Penglibatan *N-acetylcysteine* atau *methionine* mungkin diperlukan.

Kesan Keupayaan Memandu dan Menggunakan Mesin
Kurang berkemungkinan memberi kesan kepada keupayaan memandu dan menggunakan mesin.

Farmakodinamik
Mekanisme Tindakan:
Paracetamol adalah sejenis analgesik dan antipiretik. Mekanisme tindakannya dipercayai termasuk perencatan sintesis prostaglandin, terutamanya dalam pusat sistem saraf.

Kesan-kesan Farmakodinamik:
Keupayaan perencatan prostaglandin periferil menghasilkan sifat farmakologi yang penting seperti pemeliharaan prostaglandin pelindung di dalam saluran gastrousus.

Oleh itu, paracetamol adalah sangat sesuai untuk pesakit yang mempunyai sejarah penyakit atau yang sedang mengambil ubat secara serentak, di mana perencatan prostaglandin periferil tidak diinginkan (seperti, sebagai contoh, mereka yang mempunyai sejarah pendarahan gastrousus atau warg tua).

Farmakokinetik
Penyerapan:
Paracetamol diserap dengan pantas dan hampir keseluruhannya daripada saluran gastrousus.

Pengaphan:
Pautan kepada protein plasma adalah minimum pada kepekatan terapeutik.

Metabolisme:
Paracetamol dimetabolismekan di dalam hati dan dikeluarkan melalui air kencing terutamanya sebagai konjugat glukuronida dan sulfat.

Peningkiran:
Kurang daripada 5% dikeluarkan sebagai paracetamol yang tidak diubahsuai.

Cara Penyimpanan
Simpan di bawah suhu 30°C.

Salz Pek
30 dan 150 tablet.
Bukan semua saiz pek dipasarkan.

Tarikh Dikemaskini: Julai 2025
Dikilangkan oleh: Sterling Drug (Malaya) Sdn. Bhd. (Registration No: 19620100072 (4578-P))
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Mulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk: Haleon Malaysia Sdn. Bhd. (Registration No: 199901000115 (3467-X))
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Mulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.

Dileport oleh: Kingston Beverages & Creamery Sdn. Bhd.,
Plot 73, Lot 3, 4, 5 & 6, Berbi Industrial Complex,
Jalan Gedung BE 1118, Negara Beroi Derasalam, Tel: 073-2450102

☎ 1800 88 3225 ✉ mystory.myl@haleon.com
Cep dagangan adalah dimiliki oleh atau dipegunkan kepada kumpulan syarikat Haleon.
©2025 Kumpulan syarikat Haleon atau pemberi lesenanya.

